

'Tiada masalah tambah kuota ke IPTA jika ramai layak'

BH 12 MAY 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, soal menambah atau mengurangkan kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dibuat berdasarkan kemampuan pelajar sendiri.

Perdana Menteri berkata, tidak menjadi masalah untuk menaikkan kuota itu sehingga 100 peratus sekalipun, jika ramai pelajar Bumiputera yang layak memasuki IPTA.

"Kita kena ingat juga kemampuan kita... nak kuota 100 peratus pun boleh, tetapi kalau tidak ada orang yang layak apa gunanya.

"Kalau nak ikut sentimen, emosi... rosak habis," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan hari ulang tahun penubuhan Umno ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Bellau berkata demikian sebagai mengulas rencana Minda Pengarang Berita Harian pada Rabu lalu yang antara lain menyatakan bahawa kuota kemasukan ke IPTA sepatutnya mencerminkan kedudukan nisbah jumlah penduduk mengikut kaum terkini, iaitu 66 peratus Bumiputera dan 34 peratus bukan Bumiputera.

Pelbagai sebab menjadi asas pertimbangan dalam memutuskan kuota berkenaan, antaranya untuk menjamin peluang pendidikan pelajar Bumiputera dan pada masa sama tidak menutup peluang pelajar kaum lain, sedangkan jika

berdasarkan keperluan kependudukan sebenar, kuota Bumiputera seharusnya melebihi 55 peratus.

Ini berdasarkan bancian 2000 iaitu jumlah penduduk warganegara Malaysia kini ialah 23.27 juta, iaitu 14.56 juta Bumiputera atau 66.1 peratus, Cina 5.58 juta (25.3 peratus) dan India 1.63 juta (7.4 peratus).

Berikutan itu, pelbagai pihak, termasuk tokoh pendidik mahu kerajaan mengkaji semula kuota itu.

Semalam, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan supaya kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA itu dinaikkan kepada 66 peratus bagi menggambarkan komposisi sebenar kaum di negara ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak pernah merangka kuota berdasarkan komposisi kaum seperti itu.

"Kita tak boleh bagilah dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) 30 peratus kepada Bumiputera, 40 peratus kepada orang Cina... kita kena ingat juga kemampuan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga pernah menyebut baru-baru ini bahawa kerajaan akan mengikut kehendak rakyat sama ada untuk menghapus atau mengekalkan kuota itu.

"Kita tahu parti Pas umpamanya tak nak suarakan pendapatnya sama ada, (perlu) ada kuota atau tidak. Kalau dia (Pas) kata nak kuota, dia takut DAP tak akan sokong. Jadi dia lebih jaga kepentingan parti dia daripada orang Melayu.

"Sebab itu saya nak tahu, sama ada dia sokong ataupun tak, ada kuota. Kalau dia kata tak nak kuota, kita tengok berapa banyak orang Melayu yang tak nak kuota, kita hapuskan kuota. Kita ikut kehendak orang ramai," katanya.